

PERLAKSANAAN PENILAIAN BERTERUSAN MENINGKATKAN  
PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR: SATU KAJIAN DI POLITEKNIK JOHOR  
BAHRU

FARHANA BINTI SABIDIN

Tesis ini dikemukakan  
sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2002



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## DEDIKASI

“Tesis ini ditujukan khas untuk keluarga tersayang terutamanya emak yang banyak memberi inspirasi, kekuatan dan kasih sayang yang tidak terhingga”.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur dan puji-pujian dipanjatkan kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan hidayahNya memberi keizinan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini.

Di kesempatan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah pembimbing saya iaitu Puan Yusmarwati bte Yusof di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, kerjasama dalam menyiapkan tesis ini.

Juga tidak ketinggalan kepada pelajar-pelajar Politeknik Johor Bahru di atas kerjasama yang diberikan serta mana-mana pihak yang terlibat dalam menjayakan tesis ini.

Dan akhir sekali terima kasih kepada rakan seperjuangan yang telah banyak memberi sokongan, dorongan, teguran serta nasihat yang membina. Hanya Allah sahaja yang mampu membalasnya. Terima kasih.



PTIAUTIM  
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PENGAJIAN TESIS  
TUNKU AMINAH

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauhmana pelaksanaan penilaian berterusan meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Objektif kajian adalah untuk mengetahui sejauhmana penilaian berterusan membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar, mengenalpasti teknik-teknik penilaian berterusan dan kekerapannya, meninjau kesan pelaksanaan penilaian berterusan terhadap pelajar serta melihat hubungan di antara kaedah penilaian berterusan dengan kesan pelaksanaan penilaian berterusan terhadap pelajar. Populasi kajian ini terdiri daripada 91 orang pelajar semester lima daripada empat kursus iaitu: Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Bahan), Diploma Teknologi Maklumat, Diploma Rekabentuk Grafik dan Diploma Fesyen dan Pakaian, Politeknik Johor Bahru. Data-data diperolehi melalui soalselidik. Kaedah deskriptif (kekerapan dan min) dan Korelasi Pearson telah digunakan untuk menganalisis data. Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan penilaian berterusan benar-benar membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Manakala 8 kaedah penilaian berterusan yang utama di keempat-empat Jabatan berkenaan telah dikenalpasti iaitu: ujian bertulis, tugas, projek, kuiz bertulis, laporan, amali di bengkel dan amali di makmal. Bagi aspek kesan pelaksanaan penilaian berterusan terhadap pelajar didapati kuiz diadakan untuk menguji kefahaman tentang sesuatu topik yang baru dipelajari, kaedah ujian memerlukan untuk mengulangkaji pelajaran yang telah diajar, projek dapat menggalakkan semangat bekerjasama, meningkatkan kreativiti dan menambah pengalaman manakala amali di makmal/bengkel memerlukan untuk membuat pemerhatian terhadap sesuatu aktiviti yang dijalankan. Akhirnya didapati, hubungan yang kuat terdapat antara antara kaedah penilaian berterusan dengan pelaksanaan penilaian berterusan dan kesannya terhadap pelajar. Penyelidik berharap agar kajian ini dapat membantu pihak Politeknik amnya dan pensyarah khususnya di dalam usaha untuk memperbaiki program penilaian berterusan sedia ada.

## ABSTRACT

The main purpose of this study to determine the effect of continuous assessment in enhancing student's academic performance in Polytechnic Johor Bahru. This study also aims to identify the implementation of continuous assessment towards student's academic performance, to identify the methods of continuous assessment implemented by lecturers and its frequencies, to identify the effects of continuous assessment implementation toward student, to identify the relationship between the methods of continuous assessment and the effects of continuous assessment implemented towards student. The sample of the study comprised of 91 respondents of part five diploma students from four identified courses which are: Mechanical Engineering (Materials), Information Technology, Graphic Design, and Apparel and Fashion Design. A questionnaire was used to collect data for this study. Descriptive statistics (frequency and mean) and inferential statistic (Pearson Correlation) were used to analyze the data. The findings revealed that the implementation of continuous assessment would enhance student's academic performance. Meanwhile, there are 8 methods of continuous assessment identified which are: written test, assignment, project, written quiz, report, and practical in workshop and laboratory. For the aspect of the effects of continuous assessment implementation toward student, it is founded that quizzes can be used to measure student's understanding towards a new topic, test is desired for the revision purpose, tutorial able to recognize students problem, projects encourage teamwork, creativity and new experiences while laboratory and workshop practical requires student's observation. Lastly, there is a strong correlation between the methods of continuous assessment and the effects of continuous assessment implementation toward student. In the light of these findings, it is hope that this study could give a great help for both lecturers and Polytechnic itself in improving the current continuous assessment program.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	PENGAKUAN	i
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xv
<b>I</b>	<b>PENGENALAN</b>	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.1.1 Latarbelakang	3
	1.1.2 Program Penilaian di Politeknik Johor Bahru	7
	1.2 Pernyataan Masalah	10
	1.3 Objektif Kajian	12
	1.4 Persoalan Kajian	13
	1.5 Kepentingan Kajian	13
	1.6 Skop Kajian	14
	1.7 Batasan Kajian	15
	1.8 Definisi Operasional	16
	1.9 Kesimpulan	17

**II SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	18
2.2	Tinjauan Kajian yang Berkaitan	19
2.2.1	Definisi Penilaian Berterusan	19
2.2.2	Perlaksanaan Penilaian Berterusan	20
2.2.3	Kaedah-kaedah Penilaian Berterusan	22
2.2.4	Kekerapan Penilaian Berterusan	31
2.3	Rumusan	33

**III METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	35
3.2	Rekabentuk Kajian	36
3.3	Populasi dan Pensampelan	36
3.3.1	Populasi	36
3.3.2	Sampel	38
3.4	Instrumentasi Kajian	39
3.4.1	Kesahan Instrumen	42
3.4.2	Kebolehpercayaan	42
3.4.3	Kajian Rintis	43
3.5	Pengumpulan Data	44
3.6	Penganalisan Data	44



<b>IV</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	
4.1	Pendahuluan	46
4.2	Latar Belakang Responden	47
4.2.1	Latar Belakang Responden Berdasarkan Jantina dan Kursus	47
4.2.2	Latar Belakang Responden Berdasarkan Pencapaian Akademik	48
4.2.3	Latar Belakang Responden Berdasarkan Markah Penilaian Berterusan Yang Biasa Diperolehi	49
4.3	Perlaksanaan Penilaian Berterusan Meningkatkan Pencapaian Akademik	49
4.3.1	Analisis Berdasarkan Taburan Kekerapan	49
4.3.2	Analisis Berdasarkan Min Keseluruhan	54
4.4	Kaedah Penilaian Berterusan Yang Dilaksanakan dan Kekerapannya	55
4.4.1	Kaedah Penilaian Berterusan	55
4.4.2	Kekerapan Perlaksanaan Penilaian Berterusan	59
4.5	Kesan Perlaksanaan Penilaian Berterusan Terhadap Pelajar	62
4.6	Hubungan Kaedah Penilaian Berterusan dengan Kesan Perlaksanaan Penilaian Berterusan Terhadap Pelajar	72
4.7	Rumusan Hasil Kajian dan Perbincangan	74
4.8	Kesimpulan	76



<b>V</b>	<b>KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pendahuluan	77
5.2	Objektif Kajian	78
5.2.1	Objektif Khusus Kajian	78
5.3	Kaedah Penyelidikan	78
5.4	Dapatan Kajian	79
5.4.1	Perlaksanaan Penilaian Berterusan Meningkatkan Pencapaian Akademik Pelajar	79
5.4.2	Kaedah-kaedah Penilaian Berterusan Yang Biasa Digunakan dan kekerapannya	81
5.4.2.1	Kaedah-kaedah Penilaian Berterusan Yang Biasa Digunakan	81
5.4.2.2	Kekerapan Kaedah Penilaian Berterusan	83
5.4.3	Kesan Perlaksanaan Penilaian Berterusan Terhadap Pelajar	84
5.4.4	Hubungan Di Antara Kaedah Penilaian Berterusan Dengan Kesan Perlaksanaan Penilaian Berterusan Terhadap Pelajar	88
5.5	Rumusan	88
5.6	Implikasi dan Cadangan	89
5.7	Cadangan Kajian Untuk Masa Hadapan	90
	<b>RUJUKAN</b>	91
	<b>LAMPIRAN</b>	97

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kaedah penilaian berterusan dan peratus pemberatannya.	9
3.1	Populasi pelajar semester lima.	37
3.2	Jumlah pelajar diploma semester lima yang dipilih mengikut kelas	39
3.3	Nilai alpha cronbach	43
4.1	Latar belakang responden berdasarkan jantina dan kursus	47
4.2	Latar belakang responden berdasarkan pencapaian akademik	48
4.3	Markah penilaian berterusan yang biasa diperolehi	49
4.4	Taburan kekerapan pelaksanaan penilaian berterusan meningkatkan pencapaian akademik	50
4.5	Pengiraan ukuran serakan menggunakan julat min	54
4.6	Skor min dan min purata untuk 10 pernyataan berhubung pelaksanaan penilaian berterusan meningkatkan pencapaian akademik	54
4.7	Taburan kekerapan respon pelajar terhadap 11 kaedah penilaian berterusan yang dilaksanakan pensyarah	56
4.8	Skor min untuk 11 kaedah penilaian berterusan yang dilaksanakan oleh pensyarah mengikut keutamaan	58
4.9	Taburan kekerapan bagi kekerapan pelaksanaan penilaian berterusan	60

4.10	Kesan pelaksanaan penilaian berterusan terhadap pelajar	63
4.11	Indeks Davis (1971)	72
5.1	Taburan kekerapan dan min purata untuk 10 pernyataan berhubung pelaksanaan penilaian berterusan meningkatkan pencapaian akademik	79
5.2	Taburan kekerapan dan skor min teknik penilaian berterusan mengikut keutamaan	81
5.3	Taburan peratusan bagi kekerapan 7 teknik penilaian berterusan yang utama	83
5.4	Taburan kekerapan kesan pelaksanaan penilaian berterusan terhadap pelajar	84
5.5	Korelasi kaedah penilaian berterusan dengan kesan pelaksanaan penilaian berterusan terhadap pelajar	88



## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Proses pendidikan	2
1.2	Keperluan penilaian dalam pendidikan	4
1.3	Cabang-cabang penilaian, strategi dan kegunaan alternatif	5
1.4	Carta Organisasi Unit Peperiksaan Politeknik Johor Bahru	8
2.1	Prosedur penilaian	21
2.2	Kerangka kajian	34
3.1	Aliran proses pembentukan soalselidik	40
4.1	Taburan kekerapan pelaksanaan penilaian berterusan meningkatkan pencapaian akademik	52
4.2	Taburan kekerapan kaedah penilaian berterusan yang dilaksanakan pensyarah	57
4.3	Taburan kekerapan bagi kekerapan pelaksanaan penilaian berterusan	61
4.4	Taburan kekerapan kesan pelaksanaan penilaian berterusan terhadap pelajar bagi kaedah kuiz	66
4.5	Taburan kekerapan kesan pelaksanaan penilaian berterusan kesannya terhadap pelajar bagi kaedah ujian	67

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang soalselidik	97
B	Reliability analysis – Scale (Alpha)	104
C	Output analisis frekuensi dan min	107
D	Correlations analysis – (2 – tailed)	126



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH


## **BAB I**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Peranan pensyarah bukan sekadar menyebarkan ilmu pengetahuan dan kebudayaan bangsa bahkan memastikan pencapaian pelajar di tahap yang memberangsangkan merupakan tanggungjawab yang utama. Oleh yang demikian, untuk mengetahui sejauhmana pencapaian akademik pelajar, penilaian harus dijalankan. Penilaian ialah suatu sistem atau proses yang meliputi aktiviti-aktiviti mengumpul maklumat tentang strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, untuk membuat analisis dan keputusan dengan tujuan mengambil tindakan yang sewajarnya, seperti merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran selanjutnya dengan cara yang lebih berkesan. Menurut Zabidah Awang Ngah (1984), tiga segi emas bidang pendidikan menunjukkan kaitan antara tiga bidang penting iaitu objektif pendidikan, pengalaman pembelajaran dan penilaian pendidikan. Ketiga-tiganya saling pengaruh-mempengaruhi.

Menurut Isahak Haron (1988) pula, ketiga-tiga proses ini berjalan berturut-turut dan berpusingan iaitu seperti yang digambarkan oleh beliau dalam gambarajah berikut:



Rajah 1.1: Proses Pendidikan

(Sumber: Isahak Haron, Asas-asas dan Amalan Dalam Pedagogi, hlm.163, 1988)

Menurut beliau lagi, penilaian akan memberi maklumat untuk membuat taksiran sejauhmana pengajaran guru telah mencapai objektif yang telah ditentukan.

Jika dihalusi, penilaian ialah sebahagian besar daripada aktiviti pengajaran yang dilakukan oleh guru. Kadangkala penilaian dilakukan dengan cara terkawal menerusi ujian dan peperiksaan, dan ada ketikanya dibuat dengan cara tidak terkawal dan berterusan.

Penilaian bagi mendapatkan maklumat-maklumat pencapaian pelajar secara kuantitatif dapat dilakukan melalui pelbagai alat pengukuran ataupun melalui ujian. Kuiz, ujian, tutorial, tugas dan makmal/bengkel/projek merupakan bentuk-bentuk alat pengukuran atau pengujian yang biasa digunakan sebagai penilaian berterusan di kebanyakan IPTA dalam melihat pencapaian pelajar atau sebagai pengukur terhadap perubahan aspek tingkahlaku seseorang individu terhadap pembelajarannya sepanjang semester. Politeknik juga merupakan antara IPTA yang mengamalkan bentuk penilaian berterusan sedemikian rupa. Bentuk-bentuk pengujian ini dijangkakan memberi kesan yang bermakna terhadap proses penilaian pendidikan mahupun pencapaian akademik para pelajar.

### 1.1.1 Latarbelakang

Sistem pendidikan di Malaysia yang berteraskan Falsafah Pendidikan Negara, bertujuan memperkembangkan potensi individu secara bersepadu bagi mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, sosial, emosi, rohani dan jasmani. Matlamat Falsafah Pendidikan Negara adalah untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang berakhlak mulia, bertanggungjawab serta berkeupayaan memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Abu Hassan Adam, 1992).


Secara umumnya penilaian pencapaian akademik pelajar di Politeknik adalah berdasarkan kepada pencapaiannya dalam Penilaian Berterusan (PB) dan Peperiksaan Akhir (PA) dalam sesuatu semester. Di Politeknik, adanya Unit Peperiksaan menunjukkan bahawa mereka memberi penekanan khusus kepada aspek pengukuran dan penilaian pendidikan. Unit ini bertanggungjawab menjamin keselamatan urusan peperiksaan akhir, menjamin kreadibilitinya, kesahan dan kebolehpercayaan peperiksaan tersebut serta menentukan kesesuaian penggunaan dan utilitinya. Bank soalan yang diwujudkan oleh Unit Peperiksaan membantu mereka untuk mencapai tujuan ini. Walaubagaimanapun unit ini hanya menguruskan pembinaan dan pengelolaan peperiksaan akhir jenis pencapaian dan bercorak sumatif. Oleh itu pengendalian penilaian berterusan adalah menjadi tanggungjawab pensyarah-pensyarahnya.

Daripada situasi ini, pelaksanaan penilaian berterusan yang dijalankan oleh pensyarah-pensyarahnya seolah-olah sebagai persediaan dan syarat kepada pelajar untuk menghadapi peperiksaan akhir yang disediakan oleh Unit Peperiksaan di setiap Politeknik. Menurut Ng See Ngean (1992), peperiksaan tahunan boleh dianggap sebagai satu cara penilaian untuk satu tahun.




Dalam hal pelaksanaan penilaian berterusan ini, Isahak Haron (1998) menyatakan bahawa penilaian berterusan juga boleh dilakukan secara tidak formal, melalui pemerhatian dan kerja yang dijalankan oleh pelajar dan dibuat dari masa ke semasa yang biasanya selepas guru selesai mengajar sesuatu 'unit' kecil pelajaran untuk mengesan kemajuan pelajar dalam pelajaran atau kursus yang mereka ikuti.

Keperluan alat-alat penilaian samada berbentuk ujian mahupun yang berbentuk alternatif dapat dikenalpasti melalui proses penilaian itu sendiri. Tyler (1950), meletakkan penilaian sebagai proses yang sistematik dan saintifik dalam menentukan keputusan yang dibuat agar lebih tepat. Keadaan ini digambarkan oleh beliau melalui Rajah 1.2 di bawah.



Rajah 1.2: Keperluan penilaian dalam pendidikan (disesuaikan daripada buku: Tyler, R.W. (1950). *Basic principles of curriculum and instruction*. Chicago: University of Chicago Press).

Berdasarkan Rajah 1.2 di atas, penilaian hendaklah dilakukan pada setiap proses yang terlibat supaya keputusan yang bakal dibuat memenuhi segala objektif yang ditetapkan. Lanjutan itu, keperluan alat-alat penilaian adalah perlu supaya setiap objektif dapat dicapai mengikut fungsi masing-masing, kerana setiap objektif tidak semestinya boleh dicapai dengan hanya menggunakan satu alat penilaian yang tertentu sahaja. Keadaan ini dapat diperincikan lagi melalui kajian yang lebih khusus (rujuk Rajah 1.3).



Rajah 1.3: Cabang-cabang penilaian, strategi dan kegunaan alternatif. Disesuaikan daripada Lucas, Shymansky & Jorgensen (1998). *The challenge of alternative assessment*. p. 40.

Melalui rajah di atas, penilaian adalah berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Berdasarkan objektif inilah ditentukan alat penilaian yang sesuai agar bertepatan dengan objektif. Alat penilaian yang tepat adalah perlu supaya dapat mengukur apa yang ditentukan oleh objektif tersebut.

Bentuk alat penilaian alternatif menurut Maurer (1996), merupakan satu bentuk ujian terhadap pelajar di mana ia perlu menunjukkan apa yang telah dipelajarinya bersesuaian dengan pengalaman kehidupannya. Pernyataan ini selaras dengan fahaman konstruktivisme di mana ilmu pengetahuan perlu dibina sendiri oleh individu melalui tiga aktiviti asas, iaitu penglibatan aktif, refleksi (renungan), dan pengabstrakan. Implikasi serta merta bagi pandangan ini ialah murid-murid membina realiti mereka secara aktif. Realiti tidak berada di dalam persekitaran luar dan menanti untuk ditemui, tetapi realiti merupakan natijah aktiviti murid itu sendiri (Nik Azis, 1996).

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa bentuk penilaian yang perlu digunakan dalam mengenalpasti kejayaan sesuatu kurikulum hendaklah diperbanyakkan. Kebergantungan kepada satu bentuk penilaian sahaja tidak mencukupi dalam mencapai segala matlamat dan objektif yang ditetapkan dalam garis panduan penilaian pencapaian akademik pelajarnya. Oleh yang demikian, pemilihan kuiz, tutorial, ujian, tugas, dan amali/bengkel/projek, dan sebagai teknik-teknik penilaian berterusan menghasilkan satu kombinasi sistem penilaian berterusan yang baik dalam membentuk perkembangan potensi akademik pelajar. Menerusi kajian yang dijalankan oleh Mohamad Azhar Mat Ali (1999) menunjukkan, sebilangan besar guru di sekolah kajian mempelbagaikan kaedah dalam menentukan pencapaian semasa pelajar mereka. Selain daripada ujian bertulis, bentuk ujian lain yang dijalankan ialah kuiz bertulis, kuiz lisan, kerja praktik,

kerja rumah dan pemerhatian. Bentuk penilaian ini selaras dengan saranan Lindvall (1961) yang menitikberatkan ujian-ujian ringkas untuk penilaian secara berterusan tentang prestasi pelajar di dalam akademik. Beliau juga menambah bahawa bentuk penilaian berterusan ini membantu pelajar meningkatkan pencapaian akademik mereka. Pernyataan ini disokong oleh Brown & Knight (1994) yang mendapati bahawa penilaian berbentuk soal-jawab lisan, ujian bertulis dan latihan di hujung sesi pengajaran pada asasnya bermatlamat untuk menganggar pencapaian pelajar dan akhirnya boleh menolong proses pembelajaran tersebut. Menurut beliau lagi, kesan daripada keadaan ini ialah pencapaian pelajar akan boleh ditingkatkan.


Menerusi pernyataan di atas, jelas menunjukkan kepentingan pelaksanaan penilaian berterusan. Ini adalah kerana, penilaian berterusan dapat membantu pelajar meningkatkan pencapaian akademik mereka.

### **1.1.2 Program Penilaian Di Politeknik Johor Bahru**

Perlaksanaan program penilaian pencapaian akademik pelajar di Politeknik Johor Bahru dibahagikan kepada dua jenis penilaian iaitu:

- 1) Peperiksaan akhir
- 2) Penilaian berterusan

Peperiksaan akhir dijalankan oleh satu jawatankuasa khas yang dipanggil sebagai Unit Peperiksaan. Unit ini dipengerusikan oleh seseorang yang berkecuali, iaitu bukannya pensyarah Politeknik dan dibantu oleh ahli-ahli jawatankuasanya yang mewakili setiap jabatan yang terdapat di Politeknik Johor Bahru iaitu Jabatan Hospitaliti & Fesyen, Jabatan Rekabentuk, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, dan Jabatan Kejuruteraan Elektrikal. Kebiasaannya, terdapat 4 orang ahli jawatankuasa yang mewakili setiap jabatan. Ahli jawatankuasa ini bertindak untuk menyusun, mengemaskinikan soalan-soalan menurut spesifikasi dan format yang telah ditetapkan serta membuat salinan seperti yang diperlukan. Carta organisasi Unit Peperiksaan adalah seperti di dalam Rajah 1.4 berikut.



Rajah 1.4 : Carta Organisasi Unit Peperiksaan Politeknik Johor Bahru

Bank soalan pula diwujudkan sebagai pusat pengumpulan soalan-soalan peperiksaan akhir. Pensyarah akan menyediakan soalan-soalan peperiksaan untuk mata pelajaran yang diajar menurut kesesuaiannya. Setelah siap ditaip, soalan-soalan ini akan dihantar kepada penyelaras kursus yang kemudiannya akan dikemukakan kepada Ketua Jabatan sebelum dihantar ke Unit Peperiksaan.

Manakala, penilaian berterusan dijalankan oleh pensyarah yang mengajar menurut matapelajaran yang diajar. Kebiasaannya di Politeknik Johor Bahru, kaedah penilaian berterusan serta agihan peratus pemberatan bagi kursus diploma adalah seperti di Jadual 1.1.

Jadual 1.1 : Kaedah Penilaian Berterusan dan Peratus Pemberatannya

No.	Kaedah Penilaian Berterusan	Peratus Pemberatan
1.	Kuiz – ujian ringkas yang diberikan pada waktu kuliah selepas tamat sesuatu topik pengajaran.	10%
2.	Tutorial – latihan yang diberikan semasa bimbingan.	10%
3.	Ujian – ujian yang agak menyeluruh yang diberikan selepas beberapa topik selesai diajar.	20%
4.	Tugasan atau kerja kursus – pelajar-pelajar diberikan topik-topik atau masalah tertentu untuk diselesaikan dan menghasilkan jawapan atau laporan yang dikehendaki dalam masa tertentu.	20% - 30%
5.	Makmal/bengkel/projek – markah diberikan kepada laporan kerja makmal/bengkel/projek sebagaimana yang diterangkan terlebih dahulu.	20%

## 1.2 Pernyataan Masalah

Pendidik yang cemerlang adalah penting dalam menghasilkan sumber manusia yang menyumbang ke arah mencapai matlamat negara menjadi negara maju. Pendidikan teknik dan vokasional semakin penting dalam era pembangunan ekonomi dan sosial negara. Keperluan tenaga profesional dan separa profesional amat diperlukan bagi menentukan kesinambungan negara. (*Seminar Pendidikan: Globalisasi Pendidikan Teknik dan Vokasional Ke Atas Pembangunan Sumber Manusia Pada Abad Ke-21, 8 September 2001*). Ianya sejajar dengan objektif Politeknik itu sendiri yang bertujuan untuk melahirkan lulusan separa profesional dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan hospitaliti di peringkat sijil dan diploma bagi membantu memenuhi keperluan sumber manusia di sektor awam dan swasta. Oleh yang demikian, pencapaian pelajar-pelajarnya wajar diberi perhatian dalam memastikan kualiti bakal graduan yang akan dilahirkan. Setiap politeknik berhak dan bertanggungjawab memberi panduan mengenai pembelajaran, penilaian, pengawalan dan perjalanan peperiksaan dan seterusnya menganugerahkan Sijil/Diploma kepada pelajar masing-masing. Secara umumnya penilaian pencapaian akademik pelajar di Politeknik adalah berdasarkan kepada pencapaian pelajar dalam Penilaian Berterusan (PB) dan Peperiksaan Akhir (PA) dalam sesuatu semester.



Di Politeknik, pelajar-pelajar dikehendaki untuk lulus penilaian berterusan. Ini membolehkan mereka menduduki peperiksaan akhir semester. Markah lulus untuk penilaian berterusan adalah 50% daripada pemberatan penilaian yang telah ditetapkan. Pernyataan di atas jelas menunjukkan pelaksanaan penilaian berterusan membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar selain melayakkan mereka untuk menduduki peperiksaan akhir. Berdasarkan pengalaman penyelidik yang pernah belajar di Politeknik membuktikan perlunya penilaian berterusan di dalam meningkatkan pencapaian akademik. Secara tidak langsung, pelajar berpeluang menggandakan usaha mereka jika didapati markah yang diperolehi di dalam penilaian berterusan tidak memuaskan. Manakala bagi pelajar yang memperolehi markah yang memberangsangkan, mereka hanya perlu mengekalkan prestasi mereka untuk mencapai gred yang baik. Bukan itu sahaja, kajian rintis yang dijalankan oleh penyelidik juga menunjukkan penilaian berterusan memainkan peranan yang penting di dalam memastikan pelajar benar-benar menguasai pengetahuan dan kemahiran yang dikehendaki (*mastery learning*). Penyelidik juga mendapati bahawa tidak ada sebarang penilaian yang dijalankan ke atas sistem penilaian berterusan yang dilaksanakan oleh keseluruhan Politeknik di Malaysia. Atas dasar inilah, penyelidik mengambil kesempatan untuk membuat kajian berkenaan pelaksanaan penilaian berterusan meningkatkan pencapaian akademik pelajar di Politeknik Johor Bahru. Persoalannya, sejauhmanakah penilaian berterusan meningkatkan pencapaian akademik pelajar di Politeknik? Apakah kaedah-kaedah yang biasa digunakan oleh pensyarah Politeknik untuk membuat penilaian berterusan serta kekerapannya? Apakah kesan pelaksanaan penilaian berterusan terhadap pelajar?

Kajian diperlukan bagi meninjau sejauhmana penilaian berterusan meningkatkan pencapaian akademik pelajar di Politeknik Johor Bahru.



**RUJUKAN**

- Abu Hassan Adam (1992). "Menghala Wawasan 2020." Edisi kedua. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Ahmad Esa (2001). "Etika Profesional Dalam Program Usahawan: Satu Analisis Lapangan Kertas Kerja yang Dibentangkan di Seminar Kebangsaan Sosioekonomi dan IT."
- Aiken, L. R. (1979). "Relations Between The Item Difficulty And Discrimination Indexes." *Educational and Psychological Measurement*. **39**, 821-824.
- Anucia Jeganathan (1984). "Peranan penilaian dan Pengujian." *Suara Pendidik*, **9-10** (2). 46-50.
- Atan Long (1980). "Pedagogi: Kaedah Am Mengajar." Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Atkins, M. J., Beattie, T., & Dockrell, W. B. (1993). "Assessment Issues In Higher Education." Sheffield: Department of Employment.
- Barrow, D. A. (1992). "The Use of Portfolio to Assess Student Learning." *Journal of College Science Teaching*. **XXII**(3). 148-153.

- Black, T. R. (1993). "Evaluating Social Science Research: an Introduction." London: Sage Publications.
- Blum, M. L. and Foos, P. W. (1986). "Data Gathering: Experimental Methods Plus." Harper and Row.
- Clark, D. C., & Cutler, B. R. (1990). "Teaching an Introduction." Florida Harcourt Brace Jovanich.
- Cohen, L. dan Manion, L. (1985). "Research Methods in Education." London: Croom-Helm.
- Cronbach, L. J. (1951). "Coefficient Alpha and the Internal Structure of Tests." *Psychometrika*, **16**. 297-334.
- Davis, J. A. (1971). "Elementary Survey Analysis." New Jersey: Prentice Hall.
- DuBois, P. H. (1964). "Essentials of Educational Measurement." New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Ebel, R. L. & Frisbie, D. A. (1991). "Essential Of Educational Measurement." 5<sup>th</sup>. ed. New Jersey: Prentice Hall.
- Ebel, R. L. (1979). "Essentials of Educational Measurement." New Jersey: Prentice Hall.
- Ernest, Mc Daniel. (1994). "Understanding Educational Measurement." Dubuque, Iowa: Wm. C. Brown Communications, Inc.

- Frary, R. B. (1986). "The Use of Multiple Choice Items and Holistically Scored Writing Samples to Assess Student Writing Ability." Doctoral Dissertation Rutgers the State University of New Jersey: Dissertation Abstracts International – A 47/08. 2927.
- Grays, S., & Thomas, M. (1993). "Just Because They Got It Right, Does It Mean They Know It?" In N. Webb & Coxford (Eds.), *Assessment in the Mathematics Classroom*. Reston, VA: NCTM. 130-134.
- Gronlund, N. E. (1981). "Measurement and Evaluation in Teaching." New York: Mac Millan Publishing Co. Inc.
- Gronlund, N. E. (1993). "How to Make Achievement Test and Assessment." 5<sup>th</sup>. ed. Boston: Allyn & Bacon.
- Hembree, R. (1987). "Effects of Monocontent Variables on Mathematics Test Performance." *Journal for Research in Mathematics Education*. 18.197-214.
- Isahak Haron & Koh Boh Bon (1988). "Asas-asas dalam Amalan Pedagogi." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kerlinger, F. N. (1986). "Foundations of Behavioral Research." For Worth: Holt, Rinehart and Winston.
- Kindvatter, R., Wilen, W., & Isher, M. (1998). "Dynamics of Effective Teaching." New York: Longman.

- Jafri Hj. Jaafar (1999). "Perbezaan Markah Pencapaian Pelajar Tingkatan 4 Menggunakan Alat Penilaian Berbentuk Ujian Berbanding Tugas Bagi Matapelajaran Matematik Tambahan di Sebuah Sekolah Menengah." Universiti Malaya: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Lee Shok Mee dan Mok Soon Sang (1989). "Pengujian dan Penilaian dalam Pendidikan." Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Lindvall, C. M. (1961). "Testing and Evaluation: An Introduction." New York: Harcourt, Brace & World, Inc.
- Lucas, K. B., Shymansky, J. A., & Jorgensen, M. A. (1998). "The Challenge of Alternative Assessment." *Journal of Science and Mathematics Education in South East Asia*. **XIX (2)**. 38-51.
- Maurer, R. E (1996). "Designing Alternative Assessments For Interdisciplinary Curriculum in Middle and Secondary Schools." Massachusetts: Allyn & Bacon.
- Mehrens, W. A. & Lehmann, I. J. (1984). "Measurement And Evaluation In Educational And Psychology." New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Mitchell, R. (1994). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Azhar Mat Ali (1999). "Pengendalian Pengukuran Pencapaian Akademik Pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Jerantut." Universiti Malaya: Tesis Ijazah Sarjana Muda.

- Mohamad Najib Abdul Ghaffar (1997). "Penyelidikan Pendidikan." Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohammad Najib Mohd. Ali (1999). "Perbandingan Keberkesanan Item Aneka Pilihan Mempunyai Opsyen 3,4,5 Dalam Ujian Pencapaian." Universiti Malaya: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Mohd Majid Mohd. Konting (1992). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Mohd. Konting (1998). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang (2000). "Pendidikan di Malaysia." ed. ketujuh. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mokhtar Ismail (1995). "Penilaian di Bilik Darjah." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ng See Ngean (1992). "Pengukuran dan Penilaian dalam Pendidikan." Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti.
- Oosterhof, S. J. (1994). "Classroom Application Of Educational Measurement." 2<sup>nd</sup> ed. New York: Macmillan.
- Reynolds, W. M., & Menard, K. A. (1980). "An Investigation Of Teachers' Test Construction Practices. Paper presented at the annual meeting of the National Council of Measurement in Education." Boston.

- Rosalind Horowitz (1995). "A 75-Year Legacy on Assessment Reflections From an Interview with Ralph W. Tyler." *The Journal of Educational Research*, **89** (2). 68-75.
- Smyth, J. (1987). "Educating Teachers Changing The Nature Pedagogical Knowledge." London: Falmer Press.
- Sulaiman Ngah Razali (1988). "Asas-asas dalam Amalan Pedagogi." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sulaiman Ngah Razali (1997). "Pedagogi: Teori dan Praktik." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan, S. (1991). "The Development of Secondary School Science Curriculum in Malaysia." *Science Education*. **75** (2). 243-250.
- Theodore, L. T., Georgia, S. A. (1954). "Measurement and Evaluation for the Elementary-School Teacher." New York: The Dryden Press.
- Tuckman, B. W. (1995). "The Competent Teacher. Dalam Ornstein, A. (Ed.) Theory Into Practice." US: Allyn & Bacon.
- Tyler, R. W. (1950). "Basic Principles of Curriculum and Instruction." Chicago: University of Chicago Press.
- Zabidah Awang Ngah (1984). "Program Pengukuran dan Pengujian untuk Kursus Perguruan." *Suara Pendidik*. **9-10** (2). 32-39.